

20/08/1999

Guru perlu sedia hadapi alaf baru

Daud Awang

GURU perlu bersedia menerima perubahan bersifat ke arah masa depan menjelang alaf baru dan berusaha memantapkan pengetahuan serta kemahiran seiring perkembangan pesat pendidikan.

Sebagai contoh, guru perlu melengkapkan diri dengan mempelajari serta menguasai kemahiran teknologi maklumat (IT) kerana bidang berkenaan memainkan fungsi penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Jabatan Sekolah), Datuk Sri Nusa Ahmad Thaharuddin, berkata penguasaan teknologi perlu kerana ia memainkan fungsi penting dalam kehidupan manusia sekarang.

Beliau berkata, saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar sistem pendidikan negara perlu perubahan radikal, dengan meninggalkan mata pelajaran tradisional dan mempelajari yang relevan dengan era IT wajar diberi perhatian serius.

"Perubahan seumpama ini akan memastikan Malaysia dapat menyediakan diri dengan lebih mantap dan yakin untuk menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Sehubungan itu, guru perlu mendidik dan menyemai semangat dalam jiwa pelajar untuk mencapai kecemerlangan serta berazam menjadi insan berguna bagi menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberitadi majlis konvokesyen Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim (MPTI) ke-33 di Johor Bahru, semalam.

Turut hadir, Pengetua MPTI, Asmawi Abdul Kadir dan Pengarah Pendidikan negeri, Rashdi Ramlan.

Di majlis itu, seramai 738 guru yang menamatkan kursus di maktab itu menerima sijil dan diploma masing-masing.

Sri Nusa berkata, profesion perguruan cukup mencabar dan untuk itu, guru harus menjalankan tugas secara berkesan tanpa membataskan fungsi ketika menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar di sekolah semata-mata.

"Selain mendidik, guru perlu memberi panduan dan bimbingan agar anak didiknya menjadi insan berdisiplin, berakhlak mulia dan sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata, teknologi pendidikan yang serba canggih dan moden tidak dapat menyelesaikan masalah pendidikan mutakhir kerana penguasaan teknologi semata-mata tanpa diimbangi pendidikan kerohanian boleh mendatangkan kesan negatif.

Dalam konteks ini, katanya, pendidik perlu memainkan fungsi penting menjayakan proses pendidikan kemanusiaan dengan menerapkan konsep dan kaedah tarbiyah, taalim, taadib serta taadris bagi mewujudkan pendidikan yang bersifat menyeluruh serta seimbang antara kecemerlangan intelek dan akhlak.

Dalam perkembangan lain, Sri Nusa berkata, guru tidak seharusnya menggunakan saluran politik bagi mengelakkan mereka dihantar bertugas di luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak.

"Pemilihan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan adalah berdasarkan keperluan tenaga guru. Jika guru terbabit menolak, sampai bila pun pelajar terbabit tidak dapat menerima ilmu yang dipelajari guru berkenaan," katanya.

(END)